

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 03 Jun 2021 12:32
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Hari Pengumpulan Barangan Terpakai Dapat Sambutan



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

3 JUN 2021 / 22 SYAWAL 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Mohd Afnan Abdul Khoni
Gambar oleh: Pusat Inovasi dan Pengkomersialan

HARI PENGUMPULAN BARANGAN TERPAKAI DAPAT SAMBUTAN



UUM ONLINE: Hari Pengumpulan Barangan Terpakai anjuran Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) dengan kerjasama Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS) selama 10 hari, baru-baru ini mendapat sambutan menggalakkan daripada warga kampus.

Pengarah ICC, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Faizal Omar berkata, Hari Pengumpulan Barangan Terpakai ini merupakan penganjuran kedua bagi ICC yang merupakan idea bersama Prof. Dr. Razamin Ramli yang merupakan Profesor di SQS.

Menurutnya, program ini melihat kepada keperluan golongan B40 yang terkesan akibat pandemik Covid-19 dan memberi manfaat kepada golongan yang memerlukan dan kurang berkemampuan serta memupuk perasaan kasih sayang dan sikap keprihatinan warga universiti untuk berkongsi rezeki.

Katanya, program itu mendapat sambutan menggalakkan dan berjaya mengumpul barangan terpakai seperti pakaian, kasut, permaidani, perkakasan elektrik dan keperluan dapur hasil sumbangan warga UUM bagi menyambut perayaan Aidilfitri.

Sementara itu, Prof. Dr. Razamin Ramli berkata, program pengumpulan barangan terpakai itu merupakan inisiatif yang sangat baik dan perlu diteruskan pada masa hadapan.

“Program ini benar-benar menunjukkan bahawa pihak universiti sentiasa prihatin dengan masyarakat dan ianya selari dengan hasrat ‘Universiti Untuk Masyarakat’.

“Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada semua staf ICC dan SQS di atas komitmen yang diberikan dalam menjayakan program ini. Sumbangan barangan dari warga UUM ini dapat membantu golongan B40 di kawasan terlibat bagi meneruskan kehidupan mereka,” katanya.

Barangan yang dikumpulkan itu diserahkan kepada Salmi Said, wakil penduduk di Bukit Keteri, Perlis.

Menurutnya, dia berterima kasih kepada UUM yang telah menganjurkan program tersebut kerana barangan yang disumbangkan ini akan memberi manfaat kepada penerima yang telah dikenal pasti.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.